

D816

U B769 DEB  
MAHATHIR - DEMONSTRASI

KAMPAR, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TINDAKAN MENGADAKAN DEMONSTRASI ATAU MEMBANGKITKAN PERASAAN MARAH KEPADA KERAJAAN DAN MAJIKAN AKIBAT PERBERHENTIAN KERJA BUKANLAH CARANYA UNTUK MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI.

KATANYA: +DEMONSTRASI SERIBU KALI GANDA BESAR PUN TIDAK AKAN MENDATANGKAN SEBARANG FAEDAH KERANA IA TIDAK DAPAT MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI.+

PERDANA MENTERI MENAMBAH, PERKARA YANG PENTING DIBERI TUMPUAN BAGI MENGATASI MASALAH PEMBERHENTIAN KERJA IALAH BERUSAHA Mencari PELUANG KERJA YANG LAIN YANG MASIH BANYAK DAN KERAJAAN AKAN MEMBANTU MEREKA DALAM USAHA ITU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA PERHIMPUNAN MUHIBBAH SERAMAI 8,000 ORANG DI KAMPUNG BARU MAMBANG DIAWAN DEKAT SINI PETANG INI.

KATANYA, MAJIKAN TIDAKLAH SEMUDAH ITU UNTUK MEMBUANG PARA PEKERJANYA JIKA USAHA YANG DIJALANKAN ITU MENGUNTUNGGAN.

RAKYAT PERLU BERFIKIRAN RASIONAL DALAM MASALAH INI KERANA KEMELESETAN BUKANLAH BUATAN KERAJAAN MELAINKAN DIPENGARUHI OLEH UNSUR LUAR TERMASUK PENGURANGAN PERMINTAAN UNTUK BARANG-BARANG EKSPORT NEGARA YANG DIBELI DENGAN HARGA MURAH PULA, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1952MST 14 03 86

D818

U B771 DEB  
MAHATHIR - DEMONSTRASI 2 KAMPAR

PERDANA MENTERI MENYEBUT PELBAGAI USAHA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH RAKYAT TERUTAMA YANG DIBERHENTIKAN KERJA SEPERTI MENCEBURI DALAM KEGIATAN INDUSTRI KECIL ATAU KRAFTANGAN, PERTANIAN DAN SEBAGAINYA ASALKAN MEREKA RAJIN BERUSAHA.

BAGI PIHAK KERAJAAN PULA, PELBAGAI USAHA SAMPINGAN AKAN DIBERIKAN BAGI MENYOKONGI USAHA ITU KERANA IA MENYEDARI MASALAH DAN KEPERITAN HIDUP RAKYAT, TAMBAH BELIAU SAMBIL MENJELASKAN LAGI USAHA-USAHA KERAJAAN MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN HARIAN SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA BANTUAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH MASALAH KAMPUNG BARU TERMASUK MATLAMAT DAN RANCANGAN PENUBUHANNYA DAHULU DENGAN KEMAJUAN YANG DINIKMATI SEKARANG.

KERAJAAN, TEGAS BELIAU, TIDAK PERNAH MENDISKRIMINASI PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU DAN INI JELAS DILIHAT MELALUI PELBAGAI RANCANGAN DAN PERUNTUKAN SECUKUPNYA YANG DIBERIKAN KEPADA KAMPUNG BARU.

+SAYA MENGAKUI DI SESETENGAH KAWASAN USAHA ITU KETINGGALAN SEDIKIT, TETAPI KERAJAAN TIDAK PERNAH MELUPAI TANGGUNGJAWABNYA,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1956MST 14 03 86

0820

U B773 DEB  
MAHATHIR - DEMONSTRASI 3 KAMPAR

BELIAU MENGGESA PENDUDUK KAMPUNG BARU JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN HADUTAN KAFANGAN TERTENTU UNTUK MEMBENCI KERAJAAN SEMATA-MATA KERANA KERAJAAN BILUM DAPAT MELAKSANAKAN SESUATU PROJEK DI TEMPAT MASING-MASING.

KATANYA, KALAU MEREKA TERPENGARUH DENGAN HASUTAN ITU SEHINGGA SANGGUP PULA MEMILIH WAKIL-WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG DALAM PILIHAN RAYA, MAKA YANG MENDERITA KELAK IALAH PENDUDUK ITU SENDIRI KERANA WAKIL RAKYAT PEMBANGKANG TIDAK BERKEUPAYAAN ATAU BERMINAT MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN KEHIDUPAN MEREKA.

BELIAU SUKACITA DENGAN SIKAP PENDUDUK, KHUSUSNYA DI SINI, YANG MULAI MENYOKONG CALON-CALON BARISAN NASIONAL SEJAK PILIHAN RAYA 1982 DAN BELIAU BERHARAP SOKONGAN INI BERTERUSAN.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA JANJI-JANJI KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU BUKANLAH JANJI KOSONG SEMATA-MATA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MENGUMUMKAN PEMBINAAN POLIKLINIK SAGI KAMPUNG BARU MAMBANG DIAWAN AKAN DIMULAKAN TIDAK LAMA LAGI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.

BELIAU BERHARAP PENDUDUK PELBAGAI KAUM DAPAT TERUS MENJALIN SUASANA HARMONI DAN MUHIBBAH DI KALANGAN MEREKA BAGI KEBAIKAN SELURUH MASYARAKAT DAN NEGARA. -- LAGI.

2000MST 14 03 86

0826

U B774 DEB  
MAHATHIR - DEMONSTRASI 4 KAMPAR

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI POLITIK KOMPONEN BARISAN NASIONAL DIBERI SAMBUTAN MERIAH OLEH PARA PENDUDUK SEBAIK TIBA DI SINI SELEPAS BELIAU BERUCAP DALAM PERHIMPUNAN RAMAI DI BOTA KANAN.

PARA PENDUDUK YANG MAJORITINYA TERDIRI DARIPADA KAUM CINA MEMBERIKAN TEPUKAN BERGEMURUH BEBERAPA MINIT SEBAIK SAHAJA BELIAU TIBA DI ATAS PENTAS KHAS DI PERKARANGAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAN (CINA) DI SINI.

MEREKA JUGA MENERIAKKAN +MERDEKA+ DAN +HIDUP MAHATHIR+ BAGI MENYOKONGI UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA.

2010MST 14 03 86